



31 Januari 2012
31 January 2012
P.U. (A) 37

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN REKA BENTUK
PERINDUSTRIAN (PINDAAN) 2012

*INDUSTRIAL DESIGNS (AMENDMENT)
REGULATIONS 2012*



DISIARKAN OLEH /
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA /
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA REKA BENTUK PERINDUSTRIAN 1996

PERATURAN-PERATURAN REKA BENTUK PERINDUSTRIAN (PINDAAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 47 Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 [*Akta 552*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Reka Bentuk Perindustrian (Pindaan) 2012**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Februari 2012.

Pindaan peraturan 5

2. Peraturan-Peraturan Reka Bentuk Perindustrian 1999 [*P.U. (A) 351/1999*], yang disebut sebagai “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini dipinda dalam peraturan 5 dengan memasukkan selepas subperaturan (3), subperaturan yang berikut:

“(3A) Jika permohonan itu—

(a) ditandatangani oleh ejen mengikut subperaturan (2) dan ejen tersebut menfailkan permohonan; atau

(b) ditandatangani oleh pemohon mengikut subperaturan (2) tetapi permohonan difailkan oleh ejen,

ejen tersebut hendaklah menfailkan Borang RP 1 dan Borang RP 10 yang disertakan dengan fi yang ditetapkan.”.

Pindaan peraturan 6

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 6 dengan peraturan yang berikut:

“Bahasa dokumen, terjemahan dan transliterasi

6. Jika apa-apa dokumen, sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta dan Peraturan-Peraturan, diberi atau dihantar kepada atau difailkan dengan Pendaftar, atau mana-mana bahagian dokumen, yang mengandungi atau terdiri daripada perkataan atau perkataan-perkataan di dalam karektor selain Roman atau di dalam bahasa selain bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, ia hendaklah, kecuali jika diarah sebaliknya oleh Pendaftar, disertakan bersama—

- (a) suatu terjemahan dan, jika diperlukan, suatu transliterasi, setiap perkataan dalam bahasa Inggeris, yang disahkan atau diperakui: yang memuaskan hati Pendaftar; dan
- (b) suatu pernyataan yang menyatakan bahasa asal setiap perkataan.”.

Pindaan peraturan 7

4. Peraturan 7 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “atau” dengan perkataan “dan”.

Pindaan peraturan 8

5. Peraturan 8 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut—

“(2) Alamat yang ditunjukkan hendaklah merupakan alamat yang lengkap dan terkini bagi memastikan penghantaran melalui pos dengan segera, termasuklah alamat mel elektronik, alamat laman web, nombor faksimili dan nombor telefon, jika ada, atau mana-mana cara, gaya atau bentuk komunikasi berkesan yang lazim.”.

Pindaan peraturan 10

6. Peraturan 10 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—
- (a) dalam perenggan (1)(d), dengan menggantikan perkataan “, proses elektrostatik, offset foto dan mikrofilem,” dengan perkataan “dan apa-apa penghasilan semula yang berkaitan dalam mana-mana bentuk, cara atau gaya,”;
 - (b) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “enam salinan” dengan perkataan “satu salinan”; dan
 - (c) dalam subperaturan (4), dengan memotong perkataan “, surihan”.

Pindaan peraturan 14

7. Peraturan 14 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—
- (a) dalam subperaturan (3) dengan menggantikan perkataan “atau” selepas perkataan “kelas” dengan perkataan ‘dan’; dan
 - (b) dengan menggantikan subperaturan (6) dengan subperaturan yang berikut:

“(6) Jika permohonan yang terdahulu itu adalah dalam bahasa selain bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, pemohon hendaklah, dalam masa tiga bulan dari tarikh permintaan oleh Pendaftar yang disebut dalam subperaturan (5), memberikan suatu terjemahan yang diperakui atau disahkan yang memuaskan hati Pendaftar bagi permohonan yang terdahulu itu dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris.”

Pindaan peraturan 18

8. Subperaturan 18(4) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong perkataan “suatu perakuan pemfailan dalam bentuk”.

Pindaan peraturan 20

9. Subperaturan 20(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “perakuan pendaftaran yang sama untuk” dengan perkataan “Perakuan Pendaftaran bagi setiap”.

Pindaan peraturan 32

10. Peraturan 32 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (4) subperaturan yang berikut:

“(5) Pendaftar boleh, bagi maksud subperaturan (2), menghendaki ejen mengemukakan bukti kuasanya.”.

Pindaan peraturan 33

11. Peraturan 33 Peraturan-peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (3)(b), dengan memotong perkataan “atau”;

(b) dalam subperaturan (3)(c) dengan menggantikan noktah dengan perkataan “; atau”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subperaturan (3)(c) subperaturan yang berikut:

“(d) mempunyai sekurang-kurangnya tujuh (7) tahun pengalaman dalam bidang harta perindustrian atas dasar pernah berkhidmat sebagai pegawai di Pejabat ini.”.

Penggantian peraturan 42

12. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 42 dengan peraturan yang berikut:

“Pemfailan dan penyampaian dokumen dan benda

42. (1) Apa-apa dokumen atau benda yang dikehendaki atau diberi kuasa oleh Akta atau Peraturan-Peraturan ini untuk difailkan di Pejabat atau dengan Pendaftar, hendaklah diserahkan melalui serahan tangan ke Pejabat pada waktu perniagaan biasanya atau dihantar kepada Pendaftar melalui pos.

(2) Penghantaran melalui pos hendaklah disifatkan telah dilakukan dengan mengalamatkannya dengan betul, menyediakan dan mengeposkan suatu surat yang mengandungi dokumen atau benda itu, dengan bayaran pos yang telah dijelaskan ke atasnya, kepada Pendaftar di Pejabat dan dokumen atau benda itu hendaklah disifatkan telah diterima pada masa dokumen atau benda itu sebenarnya diterima di Pejabat.

(3) Pemfailan suatu dokumen atau benda di Pejabat hendaklah disifatkan telah dilaksanakan pada masa ia diterima di Pejabat dan direkodkan sebagai telah diterima.”.

Peraturan-peraturan baru 42A dan 42B

13. Peraturan-peraturan itu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 42 peraturan yang berikut:

“Pemfailan elektronik dokumen dan benda

42A. (1) Pendaftar boleh menyediakan perkhidmatan bagi pemfailan elektronik suatu dokumen atau benda yang dikehendaki atau diberi kuasa oleh Akta atau Peraturan-peraturan ini untuk difailkan dengan Pendaftar.

(2) Seseorang yang ingin menggunakan perkhidmatan yang disediakan di bawah subperaturan (1) hendaklah mematuhi terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar, sama ada secara umumnya melalui notis yang disiarkan di laman sesawang rasmi atau, dalam mana-mana keadaan

tertentu, melalui notis, termasuk secara elektronik, kepada orang yang ingin menggunakan perkhidmatan tersebut.

(3) Dokumen atau benda yang difailkan secara elektronik di bawah peraturan ini hendaklah disifatkan telah terlaksana pada masa dokumen atau benda itu diterima oleh sistem pemfailan elektronik tersebut.

(4) Apabila mana-mana dokumen atau benda iringan tidak boleh difailkan secara elektronik, dokumen atau benda iringan itu boleh dihantar atau diserahkan kepada Pendaftar dengan cara yang ditentukan dalam peraturan 42, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat seperti yang ditentukan oleh Pendaftar.

“Terma-terma dan syarat-syarat pemfailan elektronik

42B. (1) Tanpa menghadkan keluasan subperaturan 42A(2), terma-terma dan syarat-syarat bagi pemfailan elektronik hendaklah termasuk yang berikut:

- (a) tatacara untuk dipatuhi bagi pemfailan elektronik dokumen dan benda;
- (b) format atau media yang dalamnya dokumen atau benda direkodkan atau disimpan bagi tujuan pemfailan elektronik;
- (c) cara pengesahan dokumen atau benda yang perlu dicap, ditandatangani, dimeterai atau diperakui, termasuk keperluan bagi tandatangan digital orang yang menfailkan dokumen atau benda; dan
- (d) tindakan yang perlu diambil jika terdapat gangguan dalam proses melaksanakan pemfailan elektronik.

(2) Walau apa pun peraturan 42A, Pendaftar boleh enggan untuk menerima atau mendaftarkan apa-apa dokumen atau benda yang difailkan secara elektronik jika—

- (a) maklumat yang terkandung dalam dokumen atau benda itu tidak dapat ditayangkan dalam bentuk yang mudah dibaca;
- (b) rekod elektronik dokumen atau benda itu tidak mampu disimpan dalam sistem pemfailan elektronik itu;
- (c) rekod elektronik dokumen atau benda itu didapati oleh Pendaftar telah diubah, dirosakkan, tidak lengkap atau dipalsukan; atau
- (d) mana-mana terma-terma atau syarat-syarat pemfailan elektronik yang ditentukan oleh Pendaftar tidak dipatuhi.”.

Penggantian peraturan 45

14. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 45 dengan peraturan yang berikut:

“45. Apa-apa permintaan bagi—

- (a) salinan yang diperakui atau tidak diperakui apa-apa catatan atau dokumen dalam Daftar;
- (b) cabutan yang diperakui atau tidak diperakui apa-apa catatan atau dokumen dalam Daftar; atau
- (c) Perakuan Pendaftar bersama salinan yang diperakui apa-apa catatan atau dokumen dalam Daftar;

hendaklah dibuat di dalam Borang RP 14 bersama-sama fi yang ditetapkan.”.

Penggantian Jadual Pertama

15. Peraturan-Peraturan itu dipinda dengan menggantikan Jadual Pertama dengan Jadual yang berikut:

“JADUAL PERTAMA

FI

(Peraturan 3)

Fi yang berikut hendaklah dibayar berkenaan dengan permohonan, pendaftaran dan perkara-perkara lain di bawah Akta. Dalam semua hal, fi tersebut hendaklah dibayar sebelum atau pada masa melakukan perkara yang berkenaan dengannya bayaran itu dibuat.

BAHAGIAN I

<i>Item</i>				
<i>No.</i>	<i>Perkara atau Prosiding</i>	<i>Borang</i>	<i>Fi E- Pemfailan (RM)</i>	<i>Fi Pemfailan Manual (RM)</i>
1.	Permohonan bagi pendaftaran reka bentuk perindustrian:	BORANG RP 1		
	untuk satu reka bentuk		480.00	500.00
	untuk setiap reka bentuk tambahan yang dinyatakan (Peraturan 5)		480.00	500.00
	Penyiaran bagi setiap sudut pandangan representasi yang terkandung dalam permohonan (Peraturan 10 and 22)		200.00	200.00
2.	Permohonan bagi perlanjutan tempoh pendaftaran:	BORANG RP 2		
	bagi tempoh kedua—			
	(a) satu reka bentuk perindustrian		780.00	800.00
	(b) setiap reka bentuk perindustrian tambahan		780.00	800.00

<i>Item</i>				
<i>No.</i>	<i>Perkara atau Prosiding</i>	<i>Borang</i>	<i>Fi E- Pemfailan (RM)</i>	<i>Fi Pemfailan Manual (RM)</i>
	bagi tempoh ketiga—			
	(a) satu reka bentuk perindustrian		780.00	800.00
	(b) setiap reka bentuk perindustrian tambahan		780.00	800.00
	bagi tempoh keempat—			
	(a) satu reka bentuk perindustrian		780.00	800.00
	(b) setiap reka bentuk perindustrian tambahan		780.00	800.00
	bagi tempoh kelima—			
	(a) satu reka bentuk perindustrian		780.00	800.00
	(b) setiap reka bentuk perindustrian tambahan		780.00	800.00
	Surcaj yang kena dibayar di bawah subseksyen 25(3) berkenaan dengan tempoh tanggungan dalam membuat permohonan bagi pelanjutan tempoh pendaftaran: bagi setiap tempoh satu bulan (jumlah tidak melebihi enam bulan) (Peraturan 23)		200.00	200.00
3.	Permintaan untuk kemasukan semula suatu reka bentuk perindustrian berdaftar (Peraturan 24) Surcaj yang kena dibayar di bawah subperaturan 24(4): bagi setiap tempoh satu bulan	BORANG RP 3	780.00	800.00

<i>Item</i>				
<i>No.</i>	<i>Perkara atau Prosiding</i>	<i>Borang</i>	<i>Fi E- Pemfailan (RM)</i>	<i>Fi Pemfailan Manual (RM)</i>
	(jumlah tidak melebihi dua belas bulan)		100.00	100.00
4.	Notis bangkangan terhadap kemasukan semula reka bentuk perindustrian (Peraturan 25)	BORANG RP 4	280.00	300.00
5.	Permohonan bagi merekodkan penyerahhakan, perpindahan atau kuat kuasa undang-undang lain kepada : (a) suatu reka bentuk perindustrian berdaftar atau; (b) permohonan untuk mendaftarkan suatu reka bentuk perindustrian (Peraturan 26)	BORANG RP 5	280.00 bagi setiap reka bentuk 280.00 bagi setiap reka bentuk	300.00 bagi setiap reka bentuk 300.00 bagi setiap reka bentuk
6.	Permohonan bagi pembedulan Daftar atau permintaan bagi pembatalan pendaftaran (Peraturan 27)	BORANG RP 6	580.00	600.00
7.	Pengemukakan suatu salinan permohonan kepada Mahkamah (Peraturan 28)	BORANG RP 7	Percuma	Percuma
8.	Notis perintah Mahkamah bagi pembedulan Daftar (Peraturan 29)	BORANG RP 8	180.00	200.00

<i>Item</i>				
<i>No.</i>	<i>Perkara atau Prosiding</i>	<i>Borang</i>	<i>Fi E- Pemfailan (RM)</i>	<i>Fi Pemfailan Manual (RM)</i>
9.	Permintaan untuk meminda suatu permohonan untuk mendaftarkan suatu reka bentuk perindustrian atau suatu reka bentuk perindustrian berdaftar (Peraturan 30)	BORANG RP 9	180.00	200.00
10.	Pelantikan atau pertukaran ejen dan pertukaran alamat penyampaian (Peraturan 32 and 40)	BORANG RP 10	80.00 (bagi setiap permohonan reka bentuk perindustrian)	100.00 (bagi setiap permohonan reka bentuk perindustrian)
11.	Permohonan bagi pendaftaran sebagai Ejen Reka Bentuk Perindustrian [Subperaturan 33(2)]	BORANG RP 11	1,280.00	1,300.00
12.	Permohonan bagi pelanjutan pendaftaran sebagai Ejen Reka Bentuk Perindustrian [Subperaturan 33(7)]	BORANG RP 12	580.00	600.00
13.	Permintaan bagi perlanjutan masa: Bagi setiap tempoh satu bulan (jumlah tidak melebihi tiga bulan) (Peraturan 43)	BORANG RP 13	280.00 300.00 bagi setiap bulan	300.00 300.00 bagi setiap bulan
14.	Permintaan bagi salinan atau cabutan diperakui atau tidak diperakui catatan, dokumen, dsb.:	BORANG RP 14		

<i>Item</i>	<i>Perkara atau Prosiding</i>	<i>Borang</i>	<i>Fi E- Pemfailan (RM)</i>	<i>Fi Pemfailan Manual (RM)</i>
	(a) salinan atau cabutan diperakui;		10.00 satu muka surat	10.00 satu muka surat
	(b) salinan atau cabutan tidak diperakui; atau		5.00 satu muka surat	5.00 satu muka surat
	(c) Perakuan Pendaftar bersama salinan diperakui atau cabutan diperakui (Peraturan 45)		100.00 satu Sijil Pendaftaran dan 20.00 setiap muka surat bagi salinan atau cabutan	100.00 satu Sijil Pendaftaran dan 20.00 setiap muka surat bagi salinan atau cabutan

BAHAGIAN II

FI LAIN YANG DIPERLUKAN DI BAWAH AKTA

<i>Item</i>	<i>Perkara atau Prosiding</i>	<i>Fi (RM)</i>
<i>No.</i>		
1.	Permintaan untuk membuat carian awam	20.00 sejam
2.	Cetakan komputer	
	(a) hitam putih	5.00 setiap muka surat
	(b) warna	20.00 setiap muka surat".

Pindaan Jadual Kedua

16. Jadual Kedua kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA”;
- (b) dengan memotong perkataan “BAHAGIAN HARTA INTELEK,” di mana-mana jua terdapat”;
- (c) dengan menggantikan Borang RP 1 dengan Borang yang berikut:

“BORANG RP 1**PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA**

Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996
Peraturan-Peraturan Reka Bentuk
Perindustrian 1999
(Seksyen 14 dan Peraturan 5)

Pejabat Pendaftaran
Reka Bentuk Perindustrian

PERMOHONAN BAGI PENDAFTARAN REKA BENTUK PERINDUSTRIAN

Nombor Permohonan:
(Untuk kegunaan rasmi sahaja)

1. Nama penuh dan alamat pemohon/setiap pemohon:
(Nama individu termasuk semua rakan kongsi dalam sesebuah firma hendaklah diberikan dengan penuh. Gariskan nama diri atau nama keluarga. Bagi pertubuhan Perbadanan berikan nama syarikatnya)
Jika pemohon ialah pertubuhan perbadanan, berikan nama negara /negeri ia diperbadankan.
-

2. Nama penuh dan alamat pencipta:
-

3. Nama ejen (jika berkenaan):
Alamat penyampaian dalam Malaysia di mana surat-menyurat patut dihantar:
(Sekiranya ejen dilantik, Borang RP 10 hendaklah diserahkan bersama boring ini)
-

4. Nama barang atau set barang berkenaan yang kepadanya reka bentuk terpakai:

5. Klasifikasi:

Masukkan nombor kelas dan subkelas mengikut Klasifikasi Antarabangsa untuk Reka Bentuk Perindustrian.

6. Sudut pandangan:

Masukkan bilangan dan nyatakan penomboran sudut pandangan yang ingin diwartakan:

7. Permohonan berbilang:

Masukkan bilangan reka bentuk perindustrian yang dipohon untuk didaftarkan (jika ada):

8. Perkaitan :

Masukkan nombor permohonan atau nombor pendaftaran reka bentuk yang terdahulu yang pemohon meminta perkaitan di bawah subseksyen 23(1) dan peraturan 17.

9. Akuan prioriti (jika ada):

Berikan negara konvensyen dan tarikh pemfailan mana-mana permohonan sebelum ini yang dibuat di luar negara yang daripadanya prioriti dituntut di bawah seksyen 17.

Negara:

Nombor:

Tarikh pemfailan:

10. Jika butir-butir dalam ruang 9 terpakai, dan permohonan sebelum ini tidak dibuat atas nama yang diberikan dalam ruang 1, berikan butir-butir instrumen (contohnya, surat ikatan penyerahakan) yang memberikan pemohon hak untuk memohon pendaftaran. Masukkan nama dan tarikh yang sewajarnya:

(Jika maklumat ini tidak diberikan pada masa Borang ini difailkan, anda mesti mengemukakan sebelum reka bentuk perindustrian ini didaftarkan)

11. Permohonan terbahagi :

Berikan nombor dan tarikh pemfailan mana-mana permohonan yang terdahulu yang relevan yang tarikh pemfailannya dituntut di bawah seksyen 20.

Nombor:

Tarikh pemfailan:

12. Akuan:

Saya/Kami memohon untuk mendaftar reka bentuk perindustrian yang ditunjukkan dalam representasi yang disertakan. Saya/Kami mengaku bahawa Saya/Kami adalah pemohon yang menuntut sebagai pemunya reka bentuk berhubung dengan suatu barang atau set barang yang dinyatakan dalam ruang 4 dan adalah pemunya mana-mana hak reka bentuk yang wujud dalam reka bentuk perindustrian ini. Saya/Kami juga mengaku berkenaan dengan apa-apa maklumat dalam ruang 9 bahawa permohonan yang dibuat dalam negara konvensyen yang kepadanya pemohon bergantung adalah permohonan yang pertama yang telah dibuat untuk pendaftaran reka bentuk itu dalam sebuah negara konvensyen.

Tandatangan

Tarikh

Nama pemohon/ejen:
(Potong yang tidak berkenaan)

13. Nama dan nombor telefon orang yang boleh dihubungi dalam Malaysia:

;;

8. Nama penuh dan alamat dalam Malaysia di mana perakuan pelanjutan patut dihantar:

9. Akuan:
Saya/Kami memohon untuk melanjutkan tempoh pendaftaran reka bentuk perindustrian berdaftar di atas.

(Potong yang tidak berkenaan)

Tandatangan

Tarikh

10. Nama dan nombor telefon orang yang boleh dihubungi dalam Malaysia:

(e) dengan menggantikan Borang RP 3 dengan borang yang berikut:

“BORANG RP 3

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996
Peraturan-Peraturan Reka
Bentuk Perindustrian 1999
(Seksyen 26 dan Peraturan 24)

Pejabat Pendaftaran
Reka Bentuk Perindustrian

**PERMINTAAN UNTUK KEMASUKAN SEMULA SUATU REKA BENTUK
PERINDUSTRIAN BERDAFTAR**

1. Nombor permohonan (Untuk kegunaan rasmi sahaja):

2. Nombor pendaftaran:

3. Nama penuh dan alamat pemunya / setiap pemunya:

4. Nama penuh dan alamat pemohon / setiap pemohon yang memohon untuk kemasukan semula:
(Biarkan kosong jika maklumat ini sama dengan yang diberikan dalam ruang 3)

5. Nama ejen (jika berkenaan):
Alamat penyampaian dalam Malaysia di mana surat-menyurat patut dihantar:

6. Jika permohonan ini dibuat oleh pemunya, adakah anda mahu alamat dalam ruang 5 menggantikan alamat penyampaian semasa dalam Daftar?
(Nyatakan YA atau TIDAK)

7. Alasan untuk permohonan ini:
(sertakan keterangan menyokong dalam bentuk akuan berkanun atau affidavit bersama Borang ini)

8. Fi kemasukan semula:

RM _____ disertakan

9. Akuan:
Saya/Kami memohon supaya reka bentuk perindustrian berdaftar di atas dimasukkan semula.
(Potong yang tidak berkenaan)

Tandatangan

Tarikh

-
10. Nama dan nombor telefon orang yang boleh dihubungi dalam Malaysia:

.”;

(f) dengan menggantikan Borang RP 4 dengan borang yang berikut:

“BORANG RP 4

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996
Peraturan-Peraturan Reka
Bentuk Perindustrian 1999
(Seksyen 26 dan Peraturan 25)

Pejabat Pendaftaran
Reka Bentuk Perindustrian

**NOTIS BANGKANGAN TERHADAP KEMASUKAN SEMULA REKA BENTUK
PERINDUSTRIAN**

-
1. Nombor permohonan (Untuk kegunaan rasmi sahaja):

 2. Nombor pendaftaran:

 3. Nama penuh dan alamat pemohon / pemunya / setiap pemohon / pemunya sebagaimana yang terdapat dalam Daftar atau permohonan pada masa ini:

 4. Nama penuh dan alamat orang / setiap orang yang membuat notis ini:

 5. Alasan untuk notis ini:

 6. Nama ejen (jika berkenaan):
Alamat penyampaian dalam Malaysia di mana surat-menyurat patut dihantar:

 7. Akuan:
(Nama dan status setiap penandatanganan hendaklah dimasukkan, jika relevan)

Saya/Kami mengesahkan bahawa suatu salinan Notis ini telah diberikan ke atas pemohon untuk kemasukan semula reka bentuk perindustrian di atas mengikut subseksyen 26(3).
(Potong yang tidak berkenaan)

Tandatangan

Tarikh

Nama

8. Nama dan nombor telefon orang yang boleh dihubungi dalam Malaysia:

_____;

(g) dengan menggantikan Borang RP 5 dengan borang yang berikut:

“BORANG RP 5

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996
Peraturan-Peraturan Reka Bentuk
Perindustrian 1999
(Seksyen 30 dan Peraturan 26)

Pejabat Pendaftaran Reka Bentuk
Perindustrian

**PERMOHONAN BAGI MEREKODKAN PENYERAHHAKAN, PERPINDAHAN ATAU
KUAT KUASA UNDANG-UNDANG LAIN KEPADA :**

**(i) SUATU REKA BENTUK PERINDUSTRIAN BERDAFTAR,
ATAU;**

**(ii)PERMOHONAN UNTUK MENDAFTARKAN SUATU REKA BENTUK
PERINDUSTRIAN**

1. Nombor permohonan (Untuk kegunaan rasmi sahaja):

2. Nombor pendaftaran:

Berikan jumlah nombor jika lebih daripada satu.

3. Nama penuh dan alamat pemohon / pemunya setiap pemohon / pemunya sebagaimana yang direkodkan dalam Daftar atau permohonan pada masa ini:

4. Nama penuh dan alamat orang/setiap orang yang membuat permohonan ini: (Biarkan kosong jika maklumat ini sama dengan yang diberikan dalam ruang 3)

5. Alasan untuk permohonan ini:

Berikan butir-butir penyerahakan, perpindahan atau kuat kuasa undang-undang lain yang memberi kesan ke atas hak dalam permohonan atau setiap permohonan atau reka bentuk perindustrian berdaftar yang dinyatakan dalam ruang 2 termasuk tarikh dan nama semua pihak yang terlibat, termasuk bagi pertubuhan perbadanan negara dan, jika berkenaan negeri yang pertubuhan perbadanan diperbadankan. Salinan yang diperakui penyerahakan, perpindahan atau kuat kuasa undang-undang lain hendaklah disertakan.

6. Nama ejen (jika berkenaan):
Alamat penyampaian dalam Malaysia di mana surat-menyurat patut dihantar:

7. Akuan:
[Nama dan status setiap penandatanganan hendaklah juga dimasukkan jika relevan])

Saya/Kami mengaku bahawa jika hak reka bentuk perindustrian yang wujud dalam reka bentuk perindustrian/setiap reka bentuk perindustrian yang disebut dalam ruang 2, orang yang berhak kepada apa-apa kepentingan yang pemohon meminta untuk didaftarkan adalah juga berhak kepada kepentingan yang sepadan dalam hak reka bentuk perindustrian itu.
(Potong yang tidak berkenaan)

Tandatangan

Tarikh

Nama Penandatanganan:

8. Nama dan nombor telefon orang yang boleh dihubungi dalam Malaysia:

;

(h) dengan menggantikan Borang RP 6 dengan borang yang berikut:

“BORANG RP 6

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 Pejabat Pendaftaran
Peraturan-Peraturan Reka Bentuk k Reka Bentuk Perindustrian
Perindustrian 1999
(Seksyen 24(3) atau 27(2) dan Peraturan 27)

**PERMOHONAN BAGI PEMBETULAN DAFTAR ATAU PERMINTAAN BAGI
PEMBATALAN PENDAFTARAN**

1. Nombor permohonan (Untuk kegunaan rasmi sahaja):

2. Nombor pendaftaran:

3. Nama penuh dan alamat pemunya / setiap pemunya:

4. Nama penuh dan alamat orang yang membuat permohonan / permintaan dalam Borang ini:
(Biarkan kosong jika maklumat ini sama dengan yang diberikan dalam ruang 3)

5. Nama ejen (jika berkenaan):
Alamat penyampaian dalam Malaysia di mana surat-menyurat patut dihantar:

6. Jelaskan jenis permohonan anda:

7. Akuan:
Saya / Kami memohon / meminta untuk membetulkan Daftar / membatalkan pendaftaran.
(Potong yang tidak berkenaan)

Tandatangan

Tarikh

8. Nama dan nombor telefon orang yang boleh dihubungi dalam Malaysia:

;

(i) dengan menggantikan Borang RP 7 dengan borang yang berikut:

“BORANG RP 7

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996
 Peraturan-Peraturan Reka
 Bentuk Perindustrian 1999
 Perenggan 24(1) (a)27(1) (a), (b) atau
 (c)
 dan Peraturan 28)

Pejabat Pendaftaran
 Reka Bentuk Perindustrian

**PENGEMUKAAN SUATU SALINAN NOTIS PERMOHONAN KEPADA
 MAHKAMAH**

1. Nombor permohonan (Untuk kegunaan rasmi sahaja):

2. Nombor pendaftaran:

3. Nama penuh dan alamat pemohon / setiap pemohon / pemunya sebagaimana yang terdapat dalam permohonan atau Daftar pada masa ini:

4. Nama penuh dan alamat orang / setiap orang yang membuat permohonan ini:
 (Biarkan kosong jika maklumat ini sama dengan yang diberikan dalam ruang 3)

5. Nama ejen (jika berkenaan):
 Alamat penyampaian dalam Malaysia di mana surat-menyurat patut dihantar:

6. Akuan:
 (Nama dan status penandatanganan hendaklah juga dimasukkan, jika relevan)

Saya / Kami mengemukakan suatu salinan permohonan kepada Mahkamah.
 (Potong yang tidak berkenaan)

Tandatangan

Tarikh

Nama Penandatanganan:

7. Nama dan nombor telefon orang yang boleh dihubungi dalam Malaysia:

;”;

(j) dengan menggantikan Borang RP 8 dengan borang yang berikut:

“BORANG RP 8

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996
Peraturan-Peraturan Reka
Bentuk Perindustrian 1999
(Perenggan 24(1)(d) dan Peraturan
29)

Pejabat Pendaftaran
Reka Bentuk Perindustrian

NOTIS PERINTAH MAHKAMAH BAGI PEMBETULAN DAFTAR

1. Nombor permohonan (Untuk kegunaan rasmi sahaja):

2. Nombor pendaftaran:

3. Nama penuh pemunya / setiap pemunya:

4. Nama penuh dan alamat setiap orang yang membuat permohonan ini:

5. Nama ejen (jika berkenaan):
Alamat penyampaian dalam Malaysia di mana surat-menyurat patut dihantar:

6. Butir-butir pembetulan yang dikehendaki dibuat:
(Suatu salinan pejabat perintah Mahkamah hendaklah dilampirkan bersama)

7. Akuan:
Saya / Kami mengemukakan suatu salinan notis perintah Mahkamah bagi pembetulan
Daftar. (Potong yang tidak berkenaan)

Tandatangan

Tarikh

Nama Penandatangan:

;

(k) dengan menggantikan Borang RP 9 dengan borang yang berikut:

“BORANG RP 9

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996
Peraturan-Peraturan Reka
Bentuk Perindustrian 1999
(Seksyen 19 atau 40 dan Peraturan
30)

Pejabat Pendaftaran
Reka Bentuk Perindustrian

**PERMINTAAN UNTUK MEMINDA SUATU PERMOHONAN UNTUK
MENDAFTARKAN SUATU REKA BENTUK PERINDUSTRIAN ATAU SUATU
REKA BENTUK PERINDUSTRIAN BERDAFTAR**

1. Nombor permohonan (Untuk kegunaan rasmi sahaja):

2. Nombor pendaftaran:

3. Nama penuh dan alamat pemohon / setiap pemohon / pemunya sebagaimana yang terdapat dalam permohonan atau Daftar pada masa ini:

4. Nama penuh dan alamat orang yang membuat permintaan:
(Biarkan kosong jika sama maklumat dengan yang diberikan dalam ruang 3)

5. Beri butir-butir nama baru, jika berkenaan:
(sertakan bukti pertukaran nama; contoh sesalinan Perakuan Pertubuhan berkenaan pertukaran nama)

6. Beri butir-butir pindaan yang hendak dibuat, jika berkenaan:

7. Jika permintaan ini adalah untuk meminda nama atau alamat, adakah pindaan itu terpakai kepada semua permohonan untuk mendaftarkan suatu reka bentuk perindustrian atau reka bentuk perindustrian berdaftar dengan nama itu?
(Nyatakan YA atau TIDAK)

8. Nama ejen (jika berkenaan):
Alamat penyampaian dalam Malaysia di mana surat-menyurat patut dihantar:

9. Akuan:
Saya / Kami memohon untuk meminda permohonan untuk mendaftarkan suatu reka bentuk perindustrian / reka bentuk perindustrian berdaftar di atas.

(Potong yang tidak berkenaan)

Tandatangan

Tarikh

-
10. Nama dan nombor telefon orang yang boleh dihubungi dalam Malaysia:

(l) dengan menggantikan Borang RP 10 dengan borang yang berikut:

“BORANG RP 10

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996
Peraturan-Peraturan Reka Bentuk
Perindustrian 1999
(Seksyen 14 atau 45 dan Peraturan
32 dan 40)

Pejabat Pendaftaran
Reka Bentuk Perindustrian

**PELANTIKAN ATAU PERTUKARAN EJEN DAN PERTUKARAN ALAMAT
PENYAMPAIAN**

1. Nombor permohonan atau pendaftaran:

2. Nama penuh dan alamat pemohon/pemunya/setiap pemohon/pemunya:

3. Nama penuh dan alamat ejen sekarang (jika berkenaan):

4. Nombor pendaftaran ejen (jika berkenaan):

5. Nama dan alamat ejen baru:

6. Nombor pendaftaran ejen baru:

7. Akuan:

Saya meminta segala komunikasi berkaitan dengan permohonan atau pendaftaran di atas hendaklah dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam ruang 5 yang merupakan alamat penyampaian.

Tandatangan
Nama penandatangan:

Tarikh

Jawatan:

8. Nama dan nombor telefon orang yang boleh dihubungi dalam Malaysia:

(m) dengan menggantikan Borang RP 11 dengan borang yang berikut:

“BORANG RP 11

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996
Peraturan-Peraturan Reka Bentuk
Perindustrian 1999
(Seksyen 47 dan Subperaturan 33(2))

Pejabat Pendaftaran
Reka Bentuk Perindustrian

**PERMOHONAN BAGI PENDAFTARAN SEBAGAI EJEN REKA BENTUK
PERINDUSTRIAN**

1. Nombor permohonan:
(Untuk kegunaan rasmi sahaja)

2. Nama penuh dan alamat pemohon:

3. Kerakyatan:

4. Tempat bermastautin tetap atau tempat utama perniagaan
(termasuk nombor telefon dan faks pada masa ini):

5. Kelayakan:
(sertakan salinan kelayakan yang telah diperakui oleh Pesuruhjaya Sumpah)

6. Pengalaman:
(kemukakan butir-butir pengalaman dalam bentuk akuan berkanun)

7. Akuan:
Saya memohon untuk didaftarkan sebagai Ejen Reka Bentuk Perindustrian.
Saya juga mengaku segala maklumat yang dinyatakan adalah betul dan benar.

Tandatangan

Tarikh

””;

(n) dengan menggantikan Borang RP 12 dengan borang yang berikut:

“BORANG RP 12

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996
Peraturan-Peraturan Reka Bentuk
Perindustrian 1999
(Seksyen 47 dan Subperaturan 33(7).

Pejabat Pendaftaran
Reka Bentuk Perindustrian

**PERMOHONAN BAGI PELANJUTAN PENDAFTARAN SEBAGAI EJEN REKA
BENTUK PERINDUSTRIAN**

1. Nombor pendaftaran ejen:

2. Nama penuh dan alamat pemohon:

3. Kerakyatan:

4. Tempat bermastautin tetap atau tempat utama perniagaan (termasuk nombor telefon dan faks):

5. Kelayakan:

6. Fi pelanjutan: RM disertakan.

5. Akuan:

Saya memohon pelanjutan pendaftaran sebagai Ejen Reka Bentuk Perindustrian. Saya juga mengaku bahawa segala maklumat yang dinyatakan di atas adalah betul dan benar.

Tandatangan

Tarikh

;;

(o) dengan menggantikan Borang RP 13 dengan borang yang berikut:

“BORANG RP 13

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996
Peraturan-Peraturan Reka Bentuk
Perindustrian 1999
(Seksyen 43 dan Peraturan 43)

Pejabat Pendaftaran
Reka Bentuk Perindustrian

PERMINTAAN BAGI PELANJUTAN MASA

1. Nombor permohonan (Untuk kegunaan rasmi sahaja):

2. Nama penuh pemohon / setiap pemohon:

3. Nama ejen (jika ada):

Alamat penyampaian dalam Malaysia di mana surat-menyurat patut dihantar:

4. Berapa lama pelanjutan yang anda mahu? Nyatakan 1, 2 atau 3 bulan.

5. Tarikh siap:

(Nyatakan tarikh siap perbuatan atau perkara yang berkenaan dengannya pelanjutan masa diminta, dengan mengambil kira pelanjutan masa dalam ruang 4)

6. Akuan:

Saya / Kami memohon pelanjutan masa kepada tarikh yang dinyatakan dalam ruang 5.

Tandatangan

Tarikh

7. Nama dan nombor telefon orang yang boleh dihubungi dalam Malaysia:

”;

(p) dengan menggantikan Borang RP 14 dengan borang yang berikut:

“BORANG RP 14

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA

Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996
Peraturan-Peraturan Reka
Bentuk Perindustrian 1999
(Seksyen 9 dan 47 dan Peraturan 45)

Pejabat Pendaftaran
Reka Bentuk Perindustrian

**PERMINTAAN BAGI SALINAN ATAU CABUTAN BAGI CATATAN, DOKUMEN,
DSB. YANG DIPERAKUI ATAU TIDAK DIPERAKUI.**

1. Nombor permohonan atau pendaftaran:

2. Nama penuh dan alamat pemohon / pemunya setiap pemohon / pemunya reka bentuk perindustrian sebagaimana yang terdapat dalam Daftar atau permohonan pada masa ini:

3. Permohonan untuk:

- | | |
|--|--------------------------|
| (a) salinan atau cabutan yang diperakui; atau | <input type="checkbox"/> |
| (b) salinan atau cabutan yang tidak diperakui; atau | <input type="checkbox"/> |
| (c) Perakuan Pendaftar bersama salinan atau cabutan yang diperakui | <input type="checkbox"/> |

(Tandakan yang berkaitan)

Berapa salinan yang anda kehendaki? []

4. Nama penuh dan alamat dalam Malaysia di mana salinan atau cabutan atau perakuan akan dihantar:
(Sekiranya anda mempunyai arahan penghantaran / pemungutan khas, sila nyatakan butir-butirnya)

5. Adakah anda menyertakan dokumen yang akan diperakui?
Jika tidak, Pejabat akan, sekiranya boleh, menyediakan salinan fotostat.

6. Akuan:

Saya/Kami memohon dokumen yang ditandakan dalam ruang 3 dan hendaklah dihantar kepada nama dan alamat yang dinyatakan dalam ruang 4.

Tandatangan

Tarikh

7. Nama dan nombor telefon orang yang boleh dihubungi dalam Malaysia:

_____”

Penggantian Jadual Ketiga

17. Peraturan-Peraturan ini dipinda dengan menggantikan Jadual Ketiga dengan Jadual yang berikut:

“JADUAL KETIGA
AKTA REKA BENTUK PERINDUSTRIAN 1996
PERATURAN-PERATURAN REKA BENTUK PERINDUSTRIAN 1999
(Peraturan 20)

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA
Pejabat Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian

PERAKUAN PENDAFTARAN SUATU REKA BENTUK PERINDUSTRIAN

Nombor Pendaftaran :
Tarikh Pendaftaran :
Tarikh Tamat tempoh :
Barang atau set barang :
Nama dan alamat :

Menurut dan tertakluk kepada Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 dan Peraturan-Peraturan Reka Bentuk Perindustrian 1999, Reka Bentuk Perindustrian yang representasi atau representasi-representasinya dikepilkan telah didaftarkan dan tarikh pendaftaran atas nama dan alamat seperti di atas.

Tarikh dikeluarkan:

.....
()
Pendaftar Reka Bentuk Perindustrian”.

Penggantian Jadual Keempat

18. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Keempat dengan Jadual yang berikut:

“JADUAL KEEMPAT
AKTA REKA BENTUK PERINDUSTRIAN 1996
PERATURAN-PERATURAN REKA BENTUK PERINDUSTRIAN 1999
(Peraturan 23)

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA
Pejabat Pendaftaran Reka Bentuk Perindustrian

**PERAKUAN PELANJUTAN TEMPOH PENDAFTARAN SUATU REKA BENTUK
PERINDUSTRIAN**

DALAM PERKARA suatu permohonan untuk melanjutkan tempoh pendaftaran bagi suatu Reka Bentuk Perindustrian seperti berikut:

Nombor Pendaftaran :
Nama Pemilik :
Tarikh Tamat Tempoh :

SAYA, YANG BERTANDATANGAN DI BAWAH, adalah seorang pegawai yang diberi kuasa menandatangani dan mengeluarkan perakuan bagi pihak Pendaftar, mengesahkan bahawa reka bentuk perindustrian ini yang berdaftar di bawah Akta Reka Bentuk Perindustrian tahun 1996, terus berkuatkuasa dengan tempoh pendaftarannya dilanjutkan bagi lima tahun lagi seperti di atas.

Tarikh dikeluarkan:

.....
()
Bagi pihak Pendaftar Reka Bentuk
Perindustrian

Dibuat 26 Januari 2012
[KPDN(BUU)(PU2)26/5/19; PN(PU2)588/III]

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
*Menteri Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi dan Kepenggunaan*

INDUSTRIAL DESIGNS ACT 1996

INDUSTRIAL DESIGNS (AMENDMENT) REGULATIONS 2012

IN exercise of the powers conferred by section 47 of the Industrial Designs Act 1996 [Act 552], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Industrial Designs (Amendment) Regulations 2012**.

(2) These Regulations come into operation on 15 February 2012.

Amendment of regulation 5

2. The Industrial Designs Regulations 1999 [*P.U. (A) 351/1999*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations amended in regulation (5) by inserting after subregulation (3) the following subregulation:

“(3A) Where the application is—

(a) signed by an agent in accordance with subregulation (2) and the agent files the application; or

(b) signed by an applicant in accordance with subregulation (2) but the application is filed by an agent,

